

## **RINGKASAN PROGRAM**

### **1) SEMINAR KAUNSELING “REMAJA, CINTA DAN SEKS”**

Program Seminar Kaunseling “Remaja, Cinta dan Seks” ini telah dijalankan pada 8 Januari 2011 bertempat di Dewan Seminar unit Kaunseling. Program yang bermula pada pukul 8.00 pagi sehingga 2.00 petang ini telah disertai oleh 250 orang pelajar Polisis iaitu pelajar kamsis dan pembimbing rakan siswa. Antara pengisian program yang telah dijalankan ialah ceramah tentang “Remaja, Cinta dan Seks” yang disampaikan oleh penceramah jemputan dari LPPKN cawangan Kuantan iaitu Puan Siti Asmad binti Zakarni dan slot “Inventori Gaya Bercinta” oleh kaunselor pelatih iaitu Norhazwani binti Endut dan Norwani binti Md Hamran.

Seminar ini bertujuan untuk menimbulkan kesedaran kepada pelajar tentang remaja pada zaman sekarang yang terdedah dengan pelbagai masalah sosial di samping untuk membentuk ketrampilan dan sahsiah pelajar. Antara objektif program ini ialah mendedahkan kepada pelajar tentang masalah remaja pada hari ini dan menyuntik semangat pelajar untuk melakukan perubahan diri sendiri dari sekarang untuk mengemilangkan bangsa.

Melalui penilaian daripada pelajar-pelajar yang hadir, mereka berpuas hati dan seronok dengan seminar ini dan berharap program seperti ini akan diadakan lagi pada masa akan datang. Mereka juga berharap dapat melakukan perubahan dan perbaiki diri agar menjadi lebih baik.



